DALAM PERKARA TAN SRI DATO' SERI HJ OSMAN AROFF; EX PARTE BUMIPUTRA AND TECHNOLOGY VENTURE CAPITAL SDN BHD; KETUA PENGARAH INSOLVENSI (PIHAK KETIGA); KUWAIT FINANCE HOUSE (MALAYSIA) BHD & YANG LAIN (PIHAK-PIHAK TERKILAN)

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, ALOR SETAR
MAHAZAN MAT TAIB H
[KEBANKRAPAN NO: 29PB-45-03-2021]
10 DISEMBER 2024

Abstrak – *Mahkamah mempunyai budi bicara memberikan perintah pelepasan pada seorang bankrap, apabila terdapat keraguan sama ada Ketua Pengarah Insolvensi ('KPI') telah mentadbir harta si bankrap dengan cekap dan teratur sepanjang tempoh kebankrapannya. Walaupun kepentingan pemiutang perlu diimbangkan, hak si bankrap untuk pentadbiran yang cekap juga perlu diberi perhatian dan tidak boleh diabaikan tanpa berkesudahan oleh KPI.*

KEBANKRAPAN: *Pelepasan – Rayuan – Pelepasan diri daripada perintah penerimaan petisyen pemiutang dan perintah penghukuman – Budi bicara mahkamah – Keseimbangan antara hak si bankrap dan hak pemiutang – Sama ada harta si bankrap ditadbir dengan cekap dan teratur sepanjang tempoh kebankrapannya – Faktor-faktor yang dipertimbangkan dalam membenarkan perintah pelepasan – Akta Kebankrapan 1967, s. 33A*

Perayu telah diisytiharkan bankrap oleh Mahkamah Tinggi susulan petisyen penggulungan yang dimasukkan oleh syarikat Bumiputera and Technology Venture Capital Sdn Bhd. Ini ialah rayuan perayu terhadap keputusan Timbalan Pendaftar yang menolak permohonan untuk melepaskan dirinya daripada perintah penerimaan petisyen pemiutang dan perintah penghukuman. Menyokong rayuannya, perayu menyatakan: (i) beliau diarahkan oleh Ketua Pengarah Insolvensi ('KPI') untuk membayar ansuran RM1,000 sebulan. Ini telah dilakukan dan RM246,209.57 telah dibayar oleh perayu sebagai dividen buat para pemiutang; (ii) punca kebankrapan bukan disebabkan hutang peribadi tetapi kerana beliau telah menjadi penjamin dalam satu perjanjian; (iii) sepanjang kebankrapan bertempoh 13 tahun tersebut, perayu tidak pernah melakukan apa-apa kesalahan bawah peruntukan Akta Kebankrapan 1967 ('Akta') dan Kanun Keseksaan; (iv) perayu sudah berumur 86 tahun dan bergantung pada pencen beliau sebagai Menteri Besar Kedah selama tiga penggal dan tidak lagi mampu meningkatkan kemampuan untuk membayar hutang beliau; dan (v) KPI telah menahan harta-harta tidak alih milik perayu yang masing-masing bernilai RM1,680,000, RM1,595,000 dan RM850,000. Salinan

A dokumen hak milik kenderaan juga telah diserahkan pada KPI untuk urusan pentadbiran estet kebankrapan perayu dan telah dilupuskan. Seterusnya, nilai pelupusan telah dikreditkan ke dalam akaun estet kebankrapan perayu.

Diputuskan (membenarkan rayuan):

B **(1)** KPI telah menyediakan tiga laporan dan menurut rekod, perayu telah cuba membuat permohonan pelepasan bawah s. 33A Akta pada 2014 tetapi tidak dapat diteruskan dan dinasihati untuk memfailkan penyata hal ehwal pada 2017 tetapi tidak berjaya kerana terdapat bantahan oleh pemiutang. Berdasarkan tiga laporan KPI itu juga, KPI gagal memuaskan
C hati mahkamah dalam membekalkan maklumat dan gambaran yang jelas bahawa KPI telah melaksanakan segala usaha untuk memastikan pentadbiran terhadap perayu dilaksanakan dengan cekap dan teratur. (perenggan 28 & 29)

(2) Walaupun laporan-laporan KPI menyatakan bahawa perayu tidak
D mematuhi peruntukan Akta, menjadikannya satu kesalahan, namun, tidak dinyatakan dalam laporan tersebut bahawa apa-apa tindakan telah diambil oleh KPI terhadap perayu atas ketakpatuhan tersebut. KPI langsung tidak mengambil langkah-langkah untuk mendakwa perayu atas kesalahan yang dilakukan. (perenggan 30 & 38)

E **(3)** Keraguan timbul sama ada hal ehwal perayu telah ditadbir dengan sepatutnya oleh KPI sepanjang tempoh kebankrapannya, iaitu seawal perayu dibankrapkan pada 2011. Walaupun tidak boleh menjadi faktor utama untuk digunakan dalam membenarkan satu perintah pelepasan kerana kepentingan pemiutang-pemiutang perlu diseimbangi, pada masa
F yang sama, hak individu yang dibankrapkan untuk ditadbir secara cekap juga harus diberi perhatian. Alasan bahawa kepentingan pemiutang-pemiutang juga perlu diseimbangi dalam memutuskan seorang bankrap itu boleh dilepaskan atau tidak, tidak boleh dijadikan perisai oleh KPI untuk meletakkan perayu berterusan bawah pentadbirannya dengan tiada berpenghujung. (perenggan 35-37)

G **Kes-kes yang dirujuk:**

Dalam Perkara Rasidah Ibrahim; ex p Alliance Bank Malaysia Bhd [2008] 9 CLJ 530 HC ***(dirujuk)***

Development & Commercial Bank Bhd & Ors v. Loke Theen Fatt [2010] 5 CLJ 583 HC ***(dirujuk)***

H *Lim Hun Swee v. Malaysia British Assurance Bhd & Ors And Other Appeals [2010] 8 CLJ 680 CA* ***(dirujuk)***

Re Ang Ah Kang [1994] 2 CLJ 738 HC ***(dirujuk)***

Re Siow Ah Moi; ex p United Orient Leasing Company Bhd [2007] 8 CLJ 104 HC ***(dirujuk)***

I

Perundangan yang dirujuk:
Insolvency Act 1967, ss. 16(2), (3), 27(1), (2), (3), (4), 33(4), 38(1), 105(1)
Penal Code, ss. 421, 422, 423, 424

Bagi pihak penghutang penghakiman - Mohamad Zaki Azmi; T/n Hoe & Ahmad Zaki
Bagi pihak pemiutang penghakiman - T/n Murad & Foo
Bagi pihak Ketua Pengarah Insolvensi Cawangan Negeri Kedah - Zuriati Seman; Jabatan Insolvensi Malaysia
Bagi pihak Kuwait Finance House - Karlos Israphil Bendlin; T/n Amin Karlos
Bagi pihak Hong Leong Bank Bhd - T/n Shui Tai
Bagi pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Cawangan Kedah - Muhammad Aiman Abdullah

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Mahazan Mat Taib H:

Pendahuluan

[1] Ini ialah tindakan rayuan yang dibawa oleh perayu/si bankrap kepada Hakim Dalam Kamar terhadap keputusan Timbalan Pendaftar pada 8 Januari 2023 yang menolak permohonan untuk melepaskan perayu/si bankrap daripada perintah penerimaan terhadap petisyen pemiutang dan perintah penghukuman bertarikh 4 Oktober 2011.

[2] Setelah membuat penelitian sewajarnya terhadap hujahan-hujahan yang dikemukakan oleh kesemua pihak, mahkamah ini telah membenarkan rayuan perayu/si bankrap tersebut. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, pemiutang-pemiutang Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad ('KFHMB') dan pemiutang Hong Leong Bank Berhad ('HLB') telah memfailkan notis rayuan. Sehubungan dengan itu, alasan penghakiman ini disediakan.

Fakta Kes

[3] Perayu/si bankrap telah dijatuhkan hukuman bankrap oleh Mahkamah Tinggi Alor Setar pada 4 Oktober 2011 atas petisyen penggulungan yang dimasukkan oleh Syarikat Bumiputra and Technology Venture Capital Sdn Bhd.

[4] Sebelum ini, perayu/si bankrap telah membuat dua percubaan dalam prosiding Kebankrapan No. 29-1286-2008 untuk melepaskan kebankrapannya namun gagal.

[5] Pada 8 August 2012 perayu/si bankrap telah memfailkan notis usul untuk membatalkan perintah penghukuman di bawah sub-s. 105(1) Akta Kebankrapan 1967 ('Akta') tetapi telah ditolak oleh mahkamah. Seterusnya, pada 7 June 2018 Ketua Pengarah Insolvensi ('KPI') telah mengeluarkan notis kepada pemiutang tentang niat untuk mengeluarkan perakuan pelepasan kepada pemiutang-pemiutang.

[6] Pemiutang-pemiutang telah mengemukakan bantahan masing-masing kepada niat KPI tersebut. Berikutan dengan bantahan tersebut, KPI telah memutuskan untuk menolak permohonan perayu/si bankrap pada 7 December 2018.

[7] Perayu/si bankrap kemudiannya memfailkan permohonan untuk pelepasan pada 2 Mac 2021. Permohonan ini ditentang oleh semua pemiutang yang diperakui. Pemiutang-pemiutang telah memfailkan afidavit jawapan dan notis bantahan masing-masing sewajarnya.

[8] Pemiutang KFHMB telah memfailkan afidavit bantahan pemiutang yang diikrarkan oleh Chen Fong Lian pada 12 April 2021 manakala pemiutang HLB telah memfailkan afidavit bantahan pemiutang yang diikrarkan oleh Chuan Choo Yen pada 10 Mei 2021.

[9] Dalam permohonan pelepasan oleh perayu/si bankrap ini, KPI telah menyediakan tiga laporan KPI. Laporan KPI yang disediakan tersebut adalah seperti yang berikut:

(i) laporan 1, bertarikh 8 September 2021 (lampiran 31);

(ii) laporan 2, yang dikemas kini bertarikh 10 Februari 2022 (lampiran 47); dan

(iii) laporan 3, iaitu laporan tambahan bertarikh 21 Julai 2022 (lampiran 52).

[10] Pemiutang-pemiutang KFHMB dan HLB berhujah bahawa walaupun dalam laporan KPI menyatakan bahawa tiada tindakan siasatan atau penguatkuasaan dilakukan oleh KPI ke atas perayu/si bankrap atas apa-apa kesalahan di bawah Akta atau di bawah ss. 421, 422, 423 atau 424 Kanun Keseksaan yang memberi gambaran bahawa tiada kesalahan telah dilakukan oleh perayu/si bankrap, namun pemiutang-pemiutang KFHMB dan HLB menyatakan bahawa fakta itu tidak benar dan jelas bertentangan tindak tanduk perayu/si bankrap.

[11] Pemiutang-pemiutang KFHMB dan HLB berhujah bahawa perayu/si bankrap telah melakukan beberapa kesalahan dan tidak harus dilepaskan daripada kebankrapan, pemiutang-pemiutang KFHMB dan HLB telah merujuk kepada sub-s. 33(4) Akta yang menyebut bahawa salah satu daripada faktor yang mahkamah hendaklah menolak permohonan pelepasan oleh perayu/si bankrap adalah apabila mahkamah telah berpuas hati yang perayu/si bankrap ada melakukan kesalahan di bawah Akta atau di bawah ss. 421, 422, 423 atau 424 Kanun Keseksaan.

[12] Perayu/si bankrap dikatakan telah melakukan beberapa kesalahan seperti yang berikut:

(i) kesalahan di bawah perenggan (b) sub-s. 16(2) yang dibaca bersama sub-s. 16(3) Akta, di mana disebut tentang kewajipan perayu/si bankrap untuk mengemukakan penyata hal ehwal kepada KPI daiam tempoh 21 hari daripada tarikh perintah penghukuman;

pihak KPI daiam laporannya memaklumkan bahawa perayu/si bankrap memfailkan penyata hal ehwal hanya pada 14 Disember 2015, iaitu hampir empat tahun selepas perayu/si bankrap dihukum bankrap. Kegagalan mematuhi tempoh tersebut telah diakui dalam laporan 1 KPI. Tiada dinyatakan sebab kelewatan dan tiada perlanjutan masa telah diberikan secara bertulis oleh KPI;

(ii) perayu/si bankrap juga didapati telah melanggar peruntukan perenggan (b) sub-s. 38(1) Akta dengan gagal memfailkan PHE setiap enam bulan seperti yang telah ditetapkan untuk si bankrap berbuat demikian. Perayu/si bankrap hanya memfailkan PHE sebanyak dua kali sepanjang tempoh sepuluh tahun kebankrapannya;

(iii) perayu/si bankrap juga telah tidak mematuhi peruntukan dalam sub-s. 27(1) Akta yang mewajibkan perayu/si bankrap hadir untuk semua mesyuarat pemiutang;

(iv) subseksyen 27(2) Akta mewajibkan perayu/si bankrap untuk memberi suatu inventori yang lengkap berhubung kesemua aset atau hartanya kepada KPI. Namun perayu/si bankrap gagal untuk mematuhinya dan dengan itu boleh dihukum di bawah sub-s. 27(4) Akta;

(v) Subseksyen 27(3) Akta juga mewajibkan perayu/si bankrap untuk membantu KPI dengan sedaya upayanya dalam merealisasikan aset-aset dan harta-hartanya dan pengagihan hasilnya kepada pemiutang-pemiutang namun perayu/si bankrap dikatakan gagal untuk mematuhi kewajipan ini dan ia merupakan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah sub-s. 27(4) Akta.

[13] Selain itu, pemiutang-pemiutang KFHMB dan HLB menyatakan bahawa menurut sub-s. 33(4) Akta, pelepasan hanya boleh diberikan oleh mahkamah jika dividen yang dibayar tidak kurang daripada 50% kepada pemiutang. Setakat ini, pembayaran dividen oleh perayu/si bankrap hanyalah sebanyak 1.44%.

[14] Pemiutang-pemiutang KFHMB dan HLB berhujah bahawa walaupun berdasarkan siasatan terhadap kelakuan perayu/si bankrap semasa kebankrapan berhubung dengan kewangan dan aset-aset perayu/si bankrap KPI telah menyatakan dalam laporannya yang perayu/si bankrap telah melakukan kesalahan di bawah Akta dan tiada tindakan diambil terhadap kesalahan-kesalahan tersebut. Namun pada masa yang sama, KPI telah membuat syor kepada mahkamah supaya perayu/si bankrap tidak dilepaskan daripada kebankrapannya.

[15] Mahkamah telah meneliti rayuan perayu/si bankrap yang menyatakan bahawa perayu/si bankrap setelah diisytiharkan bankrap dan diarahkan oleh KPI supaya membayar ansuran RM1,000 sebulan, telah melakukan pembayaran tanpa gagal. Malah, sejumlah RM246,209.57 telah pun dibayar sebagai dividen-dividen kepada para pemiutang.

[16] Dalam rayuannya, perayu/si bankrap menyatakan bahawa punca kebankrapan bukanlah disebabkan hutang peribadi perayu/si bankrap itu sendiri, tetapi adalah disebabkan perayu/si bankrap telah menjadi penjamin melalui surat jaminan dan indemniti bertarikh 9 Julai 2003 kepada perjanjian pelaburan dan langganan yang telah dimasuki oleh Megalogi Juta Sdn Bhd dengan pemiutang penghakiman. Malah, perayu/si bankrap menyatakan bahawa tiada sebarang keuntungan yang diperoleh daripada perjanjian pelaburan dan langganan antara Megalogi Juta Sdn Bhd tersebut.

[17] Sehubungan dengan itu, perayu/si bankrap merujuk kepada keputusan Hakim dan kes *Re Siow Ah Moi; ex p United Orient Leasing Company Bhd* [2007] 8 CLJ 104; *Dalam Perkara Rasidah Ibrahim; ex p Alliance Bank Malaysia Bhd* [2008] 9 CLJ 530 di mana dalam kes tersebut, Hakim telah membuat pertimbangan bahawa pelepasan boleh dibuat atas faktor si bankrap ialah seorang penjamin yang tidak mendapat keuntungan daripada jaminan tersebut.

[18] Perayu/si bankrap juga menyatakan bahawa sepanjang tempoh kebankrapan selama lebih kurang 13 tahun, perayu/si bankrap dikatakan tidak pernah melakukan sebarang kesalahan di bawah peruntukan Akta dan Kanun Keseksaan. Oleh itu, perayu/si bankrap berhujah bahawa menjadi suatu anggapan undang-undang dalam suatu permohonan pelepasan, sekiranya seseorang bankrap itu tidak pernah dituduh atau disabitkan dengan apa-apa kesalahan di bawah undang-undang kebankrapan atau Kanun Keseksaan, maka si bankrap itu dianggap tidak melakukan kesalahan-kesalahan yang didakwa telah dilakukan tersebut.

[19] Perayu/si bankrap telah memetik kata-kata Hakim dalam kes yang disebut sebelum ini, iaitu *Dalam Perkara Rasidah Ibrahim; ex p Alliance Bank Malaysia Bhd* [2008] 9 CLJ 530 yang menyebut bahawa Penolong Kanan Pendaftar telah membuat keputusan yang betul dengan mempertimbangkan kes di mana penghutang penghakiman tidak dianggap sebagai melakukan sebarang kesalahan di bawah undang-undang kebankrapan jika dia tidak dituduh dan disabitkan. Perayu/si bankrap juga telah mengemukakan kes *Development & Commercial Bank Bhd & Ors v. Loke Theen Fatt* [2010] 5 CLJ 583 untuk menyokong bahawa pandangan yang sama juga dapat dilihat dalam kes tersebut.

[20] Perayu/si bankrap dalam rayuannya juga menyatakan bahawa perayu/si bankrap telah pun berumur 86 tahun dan tidak lagi mampu meningkatkan kemampuan untuk membayar keberhutangannya. Perayu/si bankrap bergantung kepada pencen sebagai bekas Menteri Besar Kedah selama tiga penggal.

[21] Kes-kes yang menyokong bahawa faktor usia yang telah lanjut ini boleh menjadi suatu pertimbangan bagi pelepasan, telah dikemukakan oleh perayu/si bankrap untuk rujukan mahkamah. Dalam kes-kes *Re: Ang Ah Kang* [1994] 2 CLJ 738; *Re Siow Ah Moi; ex p United Orient Leasing Company*

Bhd [2007] 8 CLJ 104; *Dalam Perkara Rasidah Ibrahim; ex p Alliance Bank Malaysia Bhd* [2008] 9 CLJ 530, Hakim telah membuat pertimbangan sewajarnya dengan mengambil kira faktor usia yang telah lanjut dan kemampuan untuk mendapatkan pekerjaan pada usia lanjut apabila membenarkan pelepasan daripada kebankrapan.

[22] Perayu/si bankrap juga menyatakan bahawa dengan mengambil kira bahawa pentadbiran estet kebankrapan perayu/si bankrap telah memasuki tempoh 13 tahun, maka suatu pelepasan wajar dipertimbangkan.

[23] Perayu/Si bankrap juga telah memaklumkan bahawa KPI telah pun menahan harta-harta tidak alih milik perayu/si bankrap, iaitu hartanah GM498, Lot 2111 dan GM 1257 Lot 2622, dan HSM 9447, PT yang kedua-duanya terletak di Bandar Alor Setar, Kedah. Perayu/si bankrap menegaskan bahawa hartanah tersebut mempunyai nilai yang tinggi dengan masing-masingnya bernilai RM1,680,000, RM1,595,000 dan RM850,000, yang boleh disahkan oleh pihak KPI sendiri. Salinan dokumen hakmilik kenderaan juga telah diserahkan kepada KPI untuk urusan pentadbiran estet kebankrapan perayu/si mati dan telah pun dilupuskan. Nilai pelupusan juga telah dikreditkan ke dalam akaun estet kebankrapan perayu/si bankrap.

[24] Sehubungan dengan itu, perayu/si bankrap menyatakan bahawa pelepasan daripada kebankrapan ini tidak memprejudiskan pemiutang-pemiutang kerana hartanah-hartanah tersebut merupakan aset-aset yang bernilai.

Analisis Dan Dapatan Mahkamah

[25] Mahkamah telah meneliti keseluruhan laporan KPI, alasan penghakiman Timbalan Pendaftar dan penghujahan bertulis kedua-dua pihak. Mahkamah juga telah mendengar penghujahan lisan pihak-pihak dalam rayuan ini.

[26] Permohonan untuk pelepasan yang dibuat oleh perayu/si bankrap adalah di bawah peruntukan sub-s. 33(3) Akta, iaitu:

> 33. Pelepasan si bankrap melalui perintah mahkamah
>
> (1) ....
>
> (2) ...
>
> (3) Semasa mendengar permohonan mahkamah hendaklah mengambil kira *suatu laporan Ketua Pengarah Insolvensi tentang kelakuan dan hal-ehwal bankrap termasuk suatu laporan tentang kelakuan bankrap semasa prosiding di bawah kebankrapannya*. dan boleh sama ada memberi atau menolak suatu perintah pelepasan mutlak, atau menggantungkan kuat kuasa perintah pelepasan tertakluk kepada apa-apa syarat berkenaan dengan mata pencarian atau pendapatan yang boleh kemudiannya kena dibayar kepada si bankrap atau berkenaan dengan harta yang diperolehinya kemudian.

[27] Menurut sub-s. 33(3) Akta, mahkamah hendaklah memberi pertimbangan kepada laporan KPI dalam memutuskan permohonan oleh si bankrap untuk pelepasan. Kes *Lim Hun Swee v. Malaysia British Assurance Bhd & Ors And Other Appeals* [2010] 8 CLJ 680 telah menjelaskan bahawa dalam suatu permohonan untuk pelepasan, laporan KPI adalah amat penting dan mesti diberi pertimbangan utama terutamanya berhubung kelakuan dan urusan si bankrap serta tindak tanduknya semasa dalam kebankrapan.

> In dealing with the application for discharge the court shall take into consideration a report of the DGI as to the bankrupt's conduct and affair, including a report as to the bankrupt's conduct during the proceedings under his bankruptcy. This is a mandatory requirement. Thus, in an application of this nature, a report of the DGI is very vital, in fact the most important consideration. Even though the court shall consider the DGI report as required under s. 33(3), the court is not bound to accept it if the court is satisfied that the report is incomplete and unreliable or made based on incomplete investigation into the conduct and affairs of the bankrupt. Without a proper or complete report by the DGI, the court cannot decide on the issue of discharge. The purpose of the DGI report is to secure a full and complete investigation and disclosure of all the material facts or information relating to the bankruptcy particularly on issues stipulated under s. 33(4) and (6) of the Act. The report is not only for the interest of the bankrupt and the creditors but also the interest of the public as well as the business community at large.

[28] Oleh itu, dengan memegang prinsip tersebut, mahkamah membuat penelitian sepenuhnya kepada laporan KPI yang telah menyediakan tiga laporan masing-masingnya bertarikh 8 September 2021, 10 Februari 2022 dan 18 Mei 2022. Menurut rekod, perayu/si bankrap telah cuba membuat permohonan pelepasan di bawah s. 33A Akta sebelum ini pada tahun 2014, tetapi tidak dapat diteruskan dan dinasihati untuk memfailkan penyata hal ehwal dan pada tahun 2017, telah tidak berjaya kerana terdapat bantahan oleh pemiutang.

[29] Daripada tiga laporan KPI tersebut juga, mahkamah mendapati bahawa KPI gagal untuk memuaskan hati mahkamah dalam membekalkan maklumat dan gambaran yang jelas bahawa KPI telah melaksanakan segala usaha untuk memastikan pentadbiran terhadap perayu/si bankrap ini dilaksanakan dengan cekap dan teratur.

[30] Malah walaupun didapati secara jelas dalam laporan KPI bahawa perayu/si bankrap dikatakan tidak mematuhi peruntukan yang terdapat dalam Akta dan menjadikannya suatu kesalahan, namun tiada dinyatakan dalam laporan tersebut bahawa apa-apa tindakan telah diambil oleh pihak KPI terhadap perayu/si bankrap atas ketidakpatuhan itu.

[31] Mahkamah merujuk kepada pernyataan KPI dalam laporannya berkenaan dengan tindakan-tindakan KPI terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh perayu/si bankrap. Di perenggan 22 laporan KPI bertarikh 10 Februari 2022 di lampiran 47, menyebut:

Tindakan Penyiasatan dan Penguatkuasaan

22. Sejak bankrap menghadirkan diri ke Mdl Kedah pada 14.1.2013 tiada siasatan dibawah Akta Insolvensi 1967 (Akta 360) atau sekysen 421, 422, 423 dan 424 Kanun Keseksaan dibuka oleh KPl

[32] Di perenggan 19 laporan KPI bertarikh 8 September 2021 di Lampiran 31, dinyatakan seperti berikut:

Tindakan Penyiasatan dan Penguatkuasaan

19. Sejak bankrap menghadirkan diri ke Mdl Kedah pada 14.1.2013, tiada siasatan dibawah Akta Insolvensi 1967 (Akta 360) atau sekysen 421, 422, 423 dan 424 Kanun Keseksaan dibuka oleh KPl

[33] Di perenggan 19 laporan KPI bertarikh 21 Julai 2022 di Lampiran 52 Pengarah Insolvensi Negeri telah menyatakan bahawa dalam pentadbiran Jabatan Insolvensi sejak tahun 2011, pihaknya mendapati perayu/si bankrap tidak memberikan kerjasama sepenuhnya dalam pentadbiran perayu/si bankrap dan telah menyenaraikan perkara-perkara yang dimaksudkan itu.

[34] Mahkamah telah meneliti perenggan (a) hingga (d) dan mendapati bahawa perkara tersebut kesemuanya adalah berkaitan dengan kesalahan. Namun, adalah jelas bahawa tiada tindakan lanjut oleh KPI yang ditunjukkan dalam laporannya bahawa perayu/si bankrap telah pernah didakwa atau dihukum atas kesalahan-kesalahan tersebut.

[35] Tidak dinafikan lagi bahawa tanggungjawab untuk memastikan peruntukan undang-undang dalam pentadbiran hal ehwal seseorang yang diisytiharkan bankrap adalah dipertanggungjawabkan kepada KPI. Namun begitu, dalam hal perayu/si bankrap ini, dapatan fakta yang diperoleh daripada ketiga-tiga laporan KPI tersebut, keraguan timbul sama ada hal ehwal perayu/si bankrap telah ditadbir dengan sepatutnya oleh KPI sepanjang tempoh kebankrapannya, iaitu seawal perayu/si bankrap dibankrapkan dalam tahun 2011.

[36] Walaupun perkara itu tidak boleh menjadi faktor utama untuk digunakan oleh mahkamah dalam membenarkan suatu perintah pelepasan kerana kepentingan pemiutang-pemiutang juga perlu diseimbangi, namun pada masa yang sama mahkamah percaya hak individu yang dibankrapkan untuk ditadbir secara cekap juga harus diberi perhatian. Ini kerana, sebagai pentadbir hal ehwal seorang bankrap, tanggungjawab utama KPI adalah memastikan terdapatnya mana-mana aset yang dimiliki oleh seseorang bankrap itu boleh dihasilkan bagi tujuan membayar dividen kepada pemiutang-pemiutang.

[37] Pada pandangan mahkamah, alasan bahawa kepentingan pemiutang-pemiutang juga perlu diseimbangi dalam memutuskan sama ada seorang bankrap itu boleh dilepaskan atau tidak, tidak boleh dijadikan suatu perisai oleh KPI untuk meletakkan perayu/si bankrap berterusan berada di bawah pentadbirannya dengan tiada berpenghujung.

[38] Ini kerana mahkamah percaya bahawa apabila langkah pemantauan yang sepatutnya dibuat seawal seseorang itu diisytiharkan bankrap telah tidak dilakukan dengan sewajarnya, maka alasan kepentingan pemiutang yang perlu diseimbangkan itu tidak boleh digunakan. Tambahan pula, walaupun telah diakui sendiri dalam laporan KPI bahawa daripada siasatan wujud keadaan-keadaan yang menunjukkan perayu/si bankrap itu telah tidak mematuhi peruntukan dalam Akta, namun KPI langsung tidak mengambil langkah-langkah untuk mendakwa perayu/si bankrap atas kesalahan yang telah dilakukan.

[39] Dalam keadaan perayu/si bankrap pernah memegang jawatan sebagai Menteri Besar bagi Negeri Kedah dalam tempoh yang lama, ia sepatutnya tidak menjadi suatu kerumitan kepada KPI untuk mendapatkan maklumat dengan cara yang sepatutnya sebaik sahaja perayu/si bankrap diisytiharkan bankrap. Namun begitu, keadaan sebaliknya telah berlaku apabila perayu/si bankrap "dibiarkan" untuk tidak memfailkan PHE dalam tempoh yang munasabah, walaupun tidak dalam masa 21 hari sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta. Pembiaran ini mengakibatkan pentadbiran kebankrapan perayu/si bankrap telah tidak diselia secara gigih dan berkesan yang turut mempengaruhi sama ada kepentingan pemiutang-pemiutang dalam kes ini sebenarnya terjaga atau tidak. Pada masa yang sama ia tidak boleh selanjutnya meletakkan perayu/si bankrap dalam tempoh kebankrapan yang tidak berkesudahan.

[40] Sehubungan dengan itu, setelah meneliti alasan-alasan permohonan pelepasan yang dihujahkan oleh perayu/si bankrap dan dengan melihat kepada keseluruhan hal keadaan kes, mahkamah percaya rayuan untuk pelepasan ini wajar dipertimbangkan dan dibenarkan. Mahkamah seterusnya berpandangan bahawa KPI dan pemiutang-pemiutang seharusnya mengambil pengajaran bahawa apabila seseorang itu diisytiharkan sebagai bankrap, kedua-dua pihak KPI dan pemiutang-pemiutang adalah saling bertanggungjawab untuk memastikan langkah aktif seterusnya hendaklah diambil supaya pentadbiran dapat dilakukan dengan cepat, cekap, telus dan berhati-hati.

[41] Mahkamah dengan ini membenarkan rayuan di Lampiran 69 dengan tiada perintah untuk kos.